

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jul 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	21	ArticleSize	143 cm ²
AdValue	RM 2,852	PR Value	RM 8,556



Kuin sebagai badan berkanun mampu tingkat sistem pengurusan

KUALA LUMPUR 10 Julai - Langkah proaktif kerajaan negeri Kedah untuk menjadikan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) sebagai sebuah badan berkanun negeri diyakini mampu meningkatkan sistem pengurusan serta gerak kerja kakitangan kolej berkenaan.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak** berkata, langkah tersebut juga akan mengatasi masalah kewangan yang telah lama membelenggu kolej itu dan seterusnya menaik taraf Kuin menjadi sebuah pusat pengajian berprestij.

"Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap pembangunan sistem pendidikan Kuin yang bakal menawarkan pembe-

lajaran berkualiti kepada para pelajar kolej berkenaan.

"Dalam pada itu, pengurusan Kuin akan dipermudahkan dan ke-

rajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap masalah kolej itu selepas ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir mengumumkan enam langkah konstruktif bagi menambah baik Kuin termasuk menjadikan kolej universiti itu sebagai sebuah badan berkanun negeri dalam mengembalikan hak dan kebajikan kakitangan kolej tersebut yang diabaikan oleh kerajaan negeri Pas sebelum ini.

Mengulas isu sama, bekas Ketua

Pengarah Pelajaran, **Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom** berkata, lang-

kah seumpama itu akan memastikan kedudukan kewangan Kuin lebih terjamin tanpa perlu bergantung kepada yuran pengajian pelajar semata-mata.

"Hal ini secara tidak langsung akan menarik perhatian para belia untuk meneruskan pengajian tinggi di Kuin dan seterusnya meningkatkan sektor ekonomi penduduk setempat dengan kehadiran pelajar dari seluruh negara.

"Semoga dengan bantuan diberikan, Kuin dapat terus menyalurkan bakti sebagai sebuah pusat pendidikan yang mampu beroperasi dengan cekap khususnya kepada pelajar tempatan," katanya.



**MOHAMED
MUSTAFA ISHAK**



**ALIMUDDIN
MOHD. DOM**